

SOALAN NO. 32**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL
RAHMAN [INDERA MAHKOTA]****TARIKH : 30 NOVEMBER 2017****SOALAN :**

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional mengklasifikasikan Laporan "Auditor General" berkenaan 1MDB di bawah O.S.A. Apakah kemungkinannya laporan ini diserahkan kepada Parlimen sepetimana dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas 1MDB telah dijalankan oleh beberapa agensi yang berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PAC berkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.